



‘Kucing’ sebagai Unsur Semiotik dalam Novel Kenang-kenangan Seorang Geisha

‘Cat’ as a Semiotic Element in The Novel Memoirs of a Geisha

Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya^{1*}, Wan Buanan Wan Hussain² & Rohaidah Haron³

¹²Bahagian Pendidikan Menengah MARA di bandar Kuala Lumpur dengan alamat Tingkat 19 dan 20, Ibu Pejabat MARA, No. 21, Jalan Mara, 50609 Kuala Lumpur, Malaysia.

³Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author: shahrolnizam.yahya@mara.gov.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.31.2025>

Abstract

The interesting thing about this KSG is the use of the cat symbol as a semiotic element. In relation to that, this study aims to identify the 'cat' icon sign as a symbolic sign in MOG and analyze the symbolic sign based on a semiotic approach. By applying a qualitative text analysis approach, this study was conducted based on the semiotic theory advanced by Peirce (1965). In relation to that, the semiotic approach is able to reveal the true meaning of the writer to convey the story and at the same time the language in literature becomes an important sign in conveying the message from the writer to the reader. The results of the study found that there are 27 types of animals that have been used by the writer as icons in the MOG novel. Of those, the cat icon is repeated the most, 10 times. The icon sign of the cat is connected to the symbol sign as man, woman, house and song. This study leaves significant implications for the reader in interpreting icon signs because in semiotic science, symbolic signs need to be given attention compared to icon signs. This study has its own novelty that can attract readers to read this study, especially in terms of the study findings.

Keywords: cat, icon sign, MOG, semiotics, symbol sign

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tanda ikon ‘kucing’ sebagai tanda simbol dalam novel Kenang-kenangan Seorang Geisha (KSG) serta menganalisis tanda simbol tersebut berdasarkan pendekatan semiotik. Dengan mengaplikasikan pendekatan kualitatif secara analisis teks, kajian ini dilakukan dengan berpandukan teori semiotik yang dimajukan oleh Peirce (1965). Sehubungan dengan itu, pendekatan semiotik berupaya membongkar maksud sebenar penulis untuk menyampaikan cerita dan dalam masa yang sama bahasa dalam sastera menjadi tanda yang penting dalam menyampaikan mesej daripada penulis kepada pembaca. Hasil kajian mendapati wujud 27 jenis haiwan yang telah dimanfaatkan oleh penulis sebagai tanda ikon dalam novel KSG. Daripada jumlah tersebut, tanda ikon kucing paling banyak diulang, iaitu sebanyak 10 kali. Tanda ikon kucing itu dihubungkan dengan tanda simbol sebagai lelaki, perempuan, rumah dan lagu. Kajian ini meninggalkan implikasi yang signifikan kepada pembaca dalam menafsir tanda ikon kerana dalam ilmu semiotik tanda simbol perlu diberi perhatian berbanding dengan tanda ikon. Kajian ini mempunyai kebaruan tersendiri yang boleh menarik minat pembaca untuk membaca kajian ini, khususnya dari segi dapatan kajian.

Kata Kunci: KSG, kucing, semiotik, tanda ikon, tanda simbol



Pengenalan

Dalam kehidupan seharian, kita di kelilingi oleh pelbagai tanda yang muncul dalam berbagai-bagai bentuk sama ada semasa kita berada di jalan raya, di pusat beli belah ataupun di dalam teks bertulis. Menurut Kamus Dewan Perdana (2021, p.2241), tanda merupakan lambang atau simbol yang digunakan dalam tulisan berkait dengan maksud tertentu. Sebagai unsur semiotik, tanda-tanda seperti haiwan yang digembleng di dalam teks sastera bukan sahaja bertindak sebagai ikon, malah menjadikan teks sangat menarik untuk dibaca terutama dari segi keindahan bahasanya. Menurut de Saussure yang dipetik dalam Mana Sikana (2001, p.201) dalam sistem bahasa, sesuatu penanda seperti bunyi 'lembu' membawa makna atau konsep yang dinamakan petanda dan kedua-duanya akan membentuk suatu lambang atau simbol dan lambang inilah yang digunakan dalam bahasa. Novel Kenang-kenangan Seorang Geisha (KSG) yang dijadikan bahan kajian ini banyak memanfaatkan haiwan sebagai tarikan kepada pembaca.

Sorotan Kajian

Nurul Aminah Basharuiddin dan Hasnah Mohamad (2014) dalam kajian semiotik telah memfokuskan pantun Melayu yang kaya dengan keindahan bahasa, simbol, baris serta kata-kata puitis yang dapat menunjukkan betapa masyarakat Melayu amat bersopan-santun dalam berkomunikasi. Berdasarkan teori pensemiotikan puisi oleh Riffaterre objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pantun Melayu dari perspektif semiotik. Kajian yang mengaplikasikan analisis teks ini telah memanfaatkan koleksi pantun Melayu berdasarkan koleksi pantun Kurik Kundi Merah Saga dengan memberi fokus terhadap flora dan fauna.

Maserah Shabudin dan Noraini Ibrahim, (2016) dalam kajian semiotik tentang iklan kecantikan telah memfokuskan mekanisme unsur semiotik dan ideologi kecantikan dari Barat yang dimanfaatkan dalam 23 teks iklan produk kecantikan wanita dalam bahasa Jepun. Dengan berpandukan konsep analisis wacana yang dimajukan oleh Fairclough, pewacana telah memanfaatkan nilai, imej serta stereotaip etnobudaya yang positif dan berprestij tinggi yang dibawa oleh negara-negara Barat ke dalam iklan bahasa Jepun. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keghairahan wanita Jepun dalam meniru gaya wanita kaukasia Oksidental yang dianggap sebagai 'simbol budaya dunia' dan 'kecantikan universal' dari segi berpakaian, cara solekan, dandanan rambut, bentuk fizikal raut wajah dan tubuh badan.

Adam Mohd Salehuddin dan Nasir Baharuiddin (2017) dalam kajiannya tentang semiotik telah membincangkan karya 'Pembukaan', iaitu sebuah karya seni video yang mempunyai audio atau muzik. Dengan berpandukan teori Peirce, kajian ini memfokuskan tiga *mode* berkaitan simbol dan proses konsep 'kepertamaan', 'kekeduaan' dan 'keketigaan', iaitu representasi atau tanda, objek dan interpretasi. Kaedah semiotik yang diaplikasikan dalam kajian ini bertujuan untuk menilai karya seni yang merepresentasikan makna-makna melalui tanda yang divisualisasikan. Kajian ini mendapati bahawa wujud perhubungan yang jelas antara karya (tanda) dengan audien (objek) yang secara tidak langsung akan membina pemikiran atau penafsiran serta idea terhadap ketenangan yang dibawa oleh pengkarya untuk berkongsi tahap-tahap pemikiran tersebut.

M Fazmi Hisham dan Zairul Anuar Md Dawam (2019) dalam kajian tentang semiotik telah memfokuskan filem arahan Steven Spielberg, 'The Color Purple' yang menggunakan warna ungu pada kostum dalam filem arahnya. Dengan mengaplikasikan model teori semiotik oleh Roland Barthes kajian ini memfokuskan aspek warna yang dapat dikaitkan dengan emosi, psikologi dan juga fizikal secara tidak disedari sekali gus mewakili diri watak dalam persekitaran berwarna sebagai simbol penyiksaan terhadap golongan bawah umur minoriti kulit hitam yang bekerja sebagai buruh. Dapatan



kajian ini mendapati sifat pencahayaan dan warna memainkan peranan penting dalam mewujudkan suasana filem yang menarik serta memberi makna berkaitan *mood tones*.

Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria (2020) dalam kajiannya tentang semiotik telah mengkaji ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda masyarakat Lombok di Indonesia. Kajian yang memfokuskan syair, hikayat dan cerita legenda yang berkembang dalam masyarakat Lombok ini berkisar tentang wanita serta merefleksikan kepercayaan bahawa wanita sebagai sumber kehidupan. Dengan berpandukan teori semiotik Peirce, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda Lombok serta menganalisis ketiga-tiga elemen tersebut berdasarkan budaya masyarakat Lombok. Dapatan kajian ini mendapati bahawa cerita legenda Puteri Denda Mandalika dan Dewi Anjani merupakan tokoh wanita diikonkan sebagai watak yang memiliki keterampilan dalam menenun pakaian dan berkebolehan memanah.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Menurut Sabitha Marican (2009), pendekatan kualitatif memberi fokus terhadap proses dan dapatan kajian yang selalunya dipersembahkan dalam bahasa harian serta tidak bergantung pada nombor atau perkiraan statistik dalam memberikan penghuraian terhadap pemboleh ubah yang dikaji. Menurut Normaliza Abd Rahim (2019), kajian berbentuk kualitatif seharusnya mempunyai data yang mencukupi agar kebolehpercayaan dan kesahannya tinggi dan kebiasaannya data diperoleh menerusi teks, tulisan, ujaran dan interaksi. Memandangkan kajian ini memanfaatkan novel sebagai bahan kajian, maka pendekatan kualitatif secara analisis kandungan telah diaplikasikan kerana pendekatan ini melihat teks sebagai interpretasi makna secara mendalam dan subjektif. Menurut Norliza Jamaluddin (2020), teknik kualitatif dapat memberikan perspektif yang terperinci kerana tumpuan terhadap data yang mempunyai bilangan banyak. Penelitian unsur semiotik dimulakan dengan pemilihan data kajian. Data kajian ini merupakan novel KSG yang dikarang oleh Arthur Golden. Novel setebal 764 halaman ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Abd Latif Bidin daripada karya asal yang berjudul *Memoirs of Geisha*. Setelah penelitian terhadap bahan kajian dilakukan, pembacaan terhadap KSG yang mengandungi 764 halaman telah dilakukan dengan teliti bagi mengenal pasti maklumat terperinci tentang unsur semiotik yang difokuskan, iaitu haiwan 'kucing'. Seterusnya ialah proses analisis data kajian. Proses ini bermula dengan pengkaji membuat pencerakinan terhadap data kajian, iaitu mengenal pasti kesemua unsur semiotik haiwan yang ditemui dalam data kajian dan seterusnya menyusun kesemua jenis haiwan yang ditemui dalam jadual berdasarkan kekerapan.

Teori Kajian

Teori semiotik Peirce yang dimajukan pada tahun 1965 merupakan tanda yang dapat dikenal pasti melalui proses semiosis yang terbahagi kepada tiga kategori, iaitu objek, *representamen* dan *interpretant* (Tengku Intan Marlina, 2007). Objek ialah tanda yang dapat ditangkap, iaitu apabila kita melihat sesuatu objek, kita mengetahui bahawa itu ialah tanda yang menyiratkan makna tentang sesuatu, manakala *representamen* pula ialah hubungan langsung dengan sifat interpretatif yang bukan sahaja merupakan pengacuan atau mewakili, sebaliknya terdapat interpretasi daripada tanda itu. Hasil daripada interpretasi tanda menyebabkan timbulnya *Interpretant*, iaitu penerima tanda akan menafsirkannya (Tengku Intan Marlina, 2014).

Sebagai tanda yang pertama, *representamen* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *Qualisign*, *Sinsign* dan *Legesign*. Menurut Peirce yang dipetik di dalam Tengku Intan Marlina (2014), *Qualisign* ialah "A quality which is a sign", contohnya warna putih merupakan *qualisign* yang diberi kepada tikus



putih secara tidak langsung melambangkan seseorang yang mempunyai darjat yang tinggi dan mewakili golongan elit yang berpendidikan Barat. Hal ini menjustifikasikan bahawa warna memainkan peranan penting dalam kehidupan sekali gus menjadi tanda dalam menentukan sesuatu fenomena. *Sinsign* pula menurut Peirce ialah “*an actual existent thing or event which is a sign*” atau tanda berdasarkan kemunculannya dalam kenyataan, manakala *legesign* ialah “*a law that a sign*”, iaitu tanda boleh bertindak sebagai peraturan atau menjadi kod dalam menentukan sesuatu peraturan (Tengku Intan Marlina, 2007).

Interpretant merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran seseorang sejeurus selepas kita mengenal pasti tanda tersebut. Peirce mengkategorikan *Intepretant* kepada tiga, iaitu *Rheme*, *Dicent Signs* dan *Argument* (Tengku Intan Marlina, 2007). *Rheme* ialah tanda yang ditafsir oleh seseorang berdasarkan pilihannya sahaja, manakala *Dicent Signs* ialah tanda yang dapat menampilkan sesuatu kenyataan bagi sesuatu perkara dan *Argument* pula tanda yang memberi alasan tentang sesuatu perkara itu berlaku berdasarkan bukti yang ada (Tengku Intan Marlina, 2009).

Elemen ketiga dalam teori semiotik Peirce ialah objek. Objek terbahagi kepada tiga kategori, iaitu ikon, indeks dan simbol. Menurut Peirce, ikon ialah tanda yang merujuk kepada objek dan mempunyai sifat yang sama atau serupa dengan objek tersebut. Bagaimanapun indeks pula merujuk kepada objek yang menunjukkan kesan daripada objek atau sesuatu fenomena yang berlaku dan mempunyai tanda tertentu seperti isyarat, simpton dan sebagainya, dan simbol pula ialah tanda yang merujuk kepada objek yang menunjukkan peraturan dan biasanya merupakan gabungan idea-idea umum (Tengku Intan Marlina, 2007).

Perbincangan dan Kesimpulan

Dalam novel KSG, simbol kucing telah dikenal pasti wujud, khususnya untuk menjadi simbol kepada watak-watak sama ada watak lelaki atau perempuan. Berdasarkan data (1), simbol kucing dalam data ini adalah untuk menyiratkan makna tentang seorang lelaki.

1. Rambutnya yang hitam lembut seperti bulu kucing, dan di tangannya ada beg kain kain yang tergantung pada tali. (MS 54)

Simbol kucing dalam data (1) memberi gambaran tentang seorang lelaki yang memiliki rambut yang hitam dan lembut sehingga digambarkan rambutnya seperti bulu seekor kucing. Umum mengetahui bahawa kucing hanyalah tanda ikon yang dikenali menerusi pelbagai warna, malah badannya yang berbulu lembut menjadikan haiwan ini sangat comel. Dengan kepelbagaian warna yang ada pada seekor kucing, tanda ikon seperti bulu berwarna hitam dan lembut secara tidak langsung menggambarkan lelaki tersebut seorang yang sangat kemas dan segak. Simbol kucing yang diberikan kepada lelaki tersebut menepati konsep semiotik seperti yang dijelaskan oleh Peirce.

Selain menjadi simbol seorang lelaki, tanda ikon kucing juga menjadi simbol bagi sebuah rumah. Hal ini demikian kerana seekor kucing yang tangkas bergerak atau merayau-rayau di dalam rumah atau di sekeliling rumah tetap merupakan ikon. Hal ini dapat diteliti menerusi data (2).

2. Yang satu lagi merupakan sebuah rumah kecil tapi anggun yang dibina di atas asas batu dengan tersendirinya hinggakan kucing boleh merangkak di bawahnya. (MS 66)

Menerusi data (2), penulis menggambarkan rumah-rumah kecil di Jepun sangat cantik dan mempersonakan lebih-lebih lagi dibina di atas batu sebagai asas rumah tersebut. Pembaca KSG dapat merasakan simbol kucing ini dengan siratan makna yang mendalam kerana tanda ikon tersebut boleh merangkak di bawah rumah tersebut dan secara tidak langsung menggambarkan binaan rumah di Jepun sangat cantik dan anggun kerana dibina dengan asas batu sehingga kucing pun boleh merangkak di bawahnya.



Seterusnya simbol kucing dalam data (3) menyirat makna seorang wanita yang dipanggil Emak. Emak merupakan adik kepada Makcik dan di dalam KSG watak Emak digambarkan wanita yang garang dan sangat hodoh walaupun usianya jauh lebih muda daripada Makcik. Justeru simbol kucing dalam data (3) ialah seorang wanita.

3. Kemudian aku mengalami rasa terperanjat yang amat: Kerana di situ di bahagian atas daripada kolar kimononya yang elegan adalah sebuah wajah yang sungguh tidak cocok dengan persalinannya sehingga aku merasakan seperti aku telah menepuk-nepuk badan seekor kucing dan mendapati bahawa ia berkepala anjing garang yang hodoh. (Ms 72)

Berdasarkan data (3) simbol kucing berkepala anjing garang yang hodoh menggambarkan rupa paras yang tidak cantik serta berkelakuan zalim. Walaupun Emak mengenakan kimono yang anggun dan elegan, namun kecantikan busana yang dipakainya itu tidak kena dengan wajahnya yang hodoh serta sikapnya yang berkelakuan zalim terhadap Sayuri sehingga watak itu turut menggambarkan Emak sebagai seekor kucing berkepala anjing. Justeru simbol kucing berkepala anjing hanyalah tanda ikon kerana bukan semua kucing mempunyai rupa yang comel sebaliknya terdapat juga segelintir kucing terbuang yang hidup liar di kaki lima hingga ada orang menggelarkan sebagai kucing kurap.

Berikutnya, seekor kucing yang menerpa atau mengejar tikus dengan ganas hanyalah tanda ikon kerana itulah sifat kucing yang pantang melihat tikus, namun tanda ikon tersebut akan menjadi simbol kepada manusia jika menepati ciri yang ada pada kucing berkelakuan demikian. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi data (4).

4. Hatsumomo menghentak kakinya dan membuat gerakan seolah-olah menerpa, seperti seekor kucing. (126)

Menerusi data (4), seekor kucing menjadi simbol kepada perlakuan seorang wanita yang dapat menjelaskan makna tersirat. Dalam data ini, simbol seekor kucing menggambarkan perlakuan atau tingkah laku seorang wanita yang kelihatan ganas dan tiada belas kasihan. Hatsumomo sebagai simbol kepada seekor kucing yang ganas dan garang telah membuat gerakan dengan menghentak kaki dan pergerakannya seolah-olah ingin menerpa ke arah Sayuri sebagaimana seekor kucing ingin menerpa dan menangkap seekor tikus.

Seekor kucing yang jinak dan sayang kepada tuannya turut menjadi tanda ikon dan hal ini bertepatan dengan takrifan oleh Kamus Dewan Perdana (2021) tentang kucing. Justeru, data (5) dapat menjelaskan perkara tersebut.

5. Memikirkan Hatsumomo berkelakuan baik padaku adalah sesuatu yang sangat luar biasa, aku rasa seolah-olah seekor ular berbisa datang dan menggesel-gesel badannya padaku seperti seekor kucing. (156)

Menerusi data (5), simbol kucing menyirat makna seorang wanita yang baik, manja dan senang didekati. Hatsumomo sebelum ini digambarkan simbol seekor kucing yang garang, walau bagaimanapun perubahan tingkah lakunya kepada Sayuri menjadi seorang yang baik sebenarnya ada undang di sebalik batu. Bagaimanapun simbol Hatsumomo sebagai seekor kucing yang baik didapati menepati konsep tanda ikon kerana mamalia ini sememangnya haiwan yang jinak dan mudah didekati sehingga ramai orang yang memeliharanya sebagai haiwan kesayangan.

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa simbol 'kucing' mempunyai pelbagai makna yang tersirat. Walaupun simbol 'kucing' masih menyirat makna konvensional tentang hubungan dengan seorang wanita, namun simbol kucing sebagai lelaki tidak boleh dinafikan. Dalam hal ini terdapat sifat-sifat atau ciri-ciri kucing yang mewakili wanita seperti manja, jinak dan comel, namun demikian sifat tersebut juga boleh disimbolkan juga kepada lelaki. Gambaran kucing yang liar, ganas dan suka menyerang bukan sahaja menjadi simbol seorang lelaki, malah di dalam data KSG turut menjelaskan sifat-sifat agresif seekor kucing juga boleh disimbolkan kepada seorang wanita. Kesimpulannya, tanda yang dibincangkan di dalam disiplin semiotik ini amat universal dan boleh



mewakili apa-apa sahaja jika digembleng dengan baik oleh penulis.

Penyataan Etika

Dengan ini disahkan bahawa kajian ini tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial.

Penyataan Kredit Penulis

Makalah ini melibatkan tiga orang penulis dan setiap penulis menyumbang dari segi idea, pendapat, suntingan serta pemikiran dalam menghasilkan makalah yang berkualiti.

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Adam Mohd Salehuddin dan Nasir Baharuddin. (2017). Analisis pendekatan semiotik terhadap karya “Pembukaan” (2013) oleh Mohd Fuad Arif. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 5, 38-46.
- Arthur Golden. *Memoir of a geisha*. (2005). (Abd Latif Bidin, Trans). New York: Vintage Books
- Kamus Dewan Perdana. (2021). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Aminah Basharuiddin dan Hasnah Mohamad. (2014). Interpretasi pantun daripada perspektif semiotik. *Jurnal Linguistik*. 18(1), 1-9.
- M Fazmi Hisham dan Zairul Anuar Md Dawam. (2019). Analisis semiotik warna terhadap latar dan watak filem lelaki harapan dunia (2014). *Jurnal Kinabalu*. 24, 89-112.
- Mana Sikana. (2001). Teori semiotik; Tanda bahasa dan wacana sastera. *Jurnal Bahasa*. 1(2), 193-212.
- Maserah Shabudin dan Noraini Ibrahim. (2016). Unsur semiotik dalam wacana iklan kecantikan. *Akademika*. 86(2), 3-30.
- Norliza Jamaluddin. (2020). Data korpus berkomputer: Manfaat dan peranti analisis. Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid, *Kecendekiaan Melayu melalui bahasa, sastera dan budaya* (Ms, 126). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Normaliza Abd Rahim. (2019). *Jom tulis tesis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan sains sosial pendekatan pragmatik*. Kuala Lumpur: Percetakan Naz Sdn.Bhd.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2014). Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tg. Intan Marlina Tg Mohd Ali dan Mohamad Shahidan. (2009). Semiotik Peirce penandaan dan pemaknaan. Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn Bhd.
- Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria. (2020). Kajian ikon, indeks dan simbol dalam cerita legenda Lombok berdasarkan teori semiotik. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1).